

Tiada tolak ansur isu perkauman—PM

KUALA LUMPUR 31 Jan. — Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad, menegaskan, kerajaan tidak lagi akan bertolak ansur dalam sebarang isu yang boleh menjejaskan perpaduan kaum di negara ini.

Beliau berkata, walaupun Malaysia sebelum ini telah berjaya mengharungi beberapa titik hitam yang melibatkan perkauman tetapi kerajaan akan memastikan perkara ini tidak berulang.

Serentak dengan itu, Perdana Menteri mengulangi pendirian bahawa kerajaan tidak akan tunduk kepada desakan pihak-pihak asing yang mendakwa dasar-dasar tertentu yang diamalkan di negara ini telah mencabuli hak asasi manusia.

Dato' Sri Dr. Mahathir menegaskan demikian semasa menyampaikan ucapannya yang bertajuk 'Negara Malaysia yang bersatu menjelang tahun 2020' pada majlis makan anjuran Kelab Harvard Malaysia di Hotel Shangri La di sini malam ini.

Menurut Perdana Menteri, bagi menjamin masa depan yang cemerlang menjelang tahun 2020, isu yang dianggap sensitif dan boleh membakar semangat perkauman dilarang sama sekali dibahaskan secara umum.

"Langkah ini jika dipandang oleh orang-orang luar sebagai mencabul kebebasan rakyat, kerajaan tidak akan tunduk kepada desakan itu," katanya.

Golongan ini, tambah beliau, tidak akan menghulurkan bantuan jika negara hancur disebabkan oleh kekacauan yang mungkin berlaku.

Menurutnya, had kebebasan yang diberi oleh kerajaan adalah berdasarkan peraturan undang-undang serta amalan demokrasi yang sihat.



DATO' SRI DR. MAHATHIR

Beliau memberi jaminan bahawa dasar-dasar yang dijalankan oleh kerajaan termasuk Dasar Pembangunan Nasional (DPN) dan Dasar Pendidikan Negara adalah bertujuan untuk meningkatkan lagi perhubungan kaum dan masyarakat di negara ini.

"Melalui dasar-dasar ini, perhubungan kaum bukan saja dapat dieratkan malah ia akan mewujudkan satu bangsa Malaysia yang mempunyai identiti dan kebudayaan yang sama," tambahnya.

Menurut Perdana Menteri, dalam tempoh 30 tahun akan datang, dasar-dasar yang ada ini boleh diperbaiki dari segi pelaksanaannya.

"Dasar-dasar ini terdedah kepada perubahan dan kita hendaklah memperbaikinya dari semasa ke semasa.

"Jika ia tidak menghasilkan keputusan yang baik, kita hendaklah bersedia untuk mengkajinya semula," katanya.

Perdana Menteri berkata, bagi

mencapai matlamat pada tahun 2020, Malaysia juga perlu mengumpul segala kekuatannya khusus bagi meningkatkan pertumbuhan ekonomi.

Menurutnya, kekuatan Malaysia dalam memenuhi segala keperluan dari segi ekonomi adalah sesatunya faktor yang dapat membantu negara menghadapi cabaran-cabaran masa depan.

Beliau menjelaskan, kestabilan politik dan pertumbuhan ekonomi negara telah menjadi contoh serta aspirasi kepada negara-negara lain.

"Bayangkan pencapaian yang boleh kita miliki dalam tempoh 30 tahun akan datang jika keamanan dan kestabilan yang ada lebih lengkap," tambahnya.

Oleh itu, beliau berkata, sebarang unsur melampau atau sikap tidak bertolak ansur hendaklah ditolak sama sekali.

Menyentuh golongan bumiputera, Perdana Menteri menasihatkan golongan bumiputera supaya mengubah sikap serta berani menerima perubahan.

"Hanya melalui perubahan sikap saja yang membolehkan kita bersaing serta berdikari," katanya.

Beliau menjelaskan, pada tahun 2020, Malaysia akan melangkah dua kali ganda daripada apa yang telah dicapai hari ini jika segala proses pembinaan negara bergerak lancar tanpa menghadapi sebarang gangguan.

"Menjelang tahun itu, kita akan mempunyai satu budaya dan nilai-nilai Malaysia yang unik yang akan membezakan kita daripada rakyat di negara-negara lain," ujarnya.